

Nama:.....

Tarikh:.....

Tingkatan: 2.....

Hari:.....

Unit: 1. Anda Sihat Anda Ceria

Tajuk: Komuniti Cergas

Kemahiran: Tatabahasa Akronim.

TUGASAN 1: Baca nota tentang akronim yang diberikan di bawah.

AKRONIM

Pengenalan Akronim

Akronim tergolong dalam kata tunggal.

Akronim ialah kata singkatan yang terbentuk daripada gabungan huruf awal suku kata atau gabungan huruf awal suku kata dengan suku kata daripada satu rangkaian kata. Hasil gabungan ini, akronim terbentuk, ditulis serta dilafazkan sebagai perkataan yang utuh.

Akronim ada empat jenis:

1. Akronim yang terbentuk daripada cantuman huruf awal perkataan. Jikalau akronim yang terbentuk ialah kata nama khas, akronim itu dieja dengan huruf besar kesemuanya.

Awas – **a**nda **w**aspada **a**nda **s**elamat
JUSA – **J**awatan **U**tama **S**ektor **A**wam
ILIM – **I**nstitut **L**atihan **I**slam **M**alaysia

2. Akronim yang terbentuk daripada cantuman huruf dan suku kata perkataan. Jikalau akronim yang terbentuk itu kata nama khas, huruf pertama ditulis dengan huruf besar.

Intan – **I**nstitut **T**adbiran **A**wam **N**egara
Proton – **P**erusahaan **O**tomobil **N**asional
Aswara – **A**kademi **S**eni Budaya dan **W**arisan Kebangsaan
cikgu – **e**ncik **g**uru

3. Akronim yang terbentuk daripada cantuman suku kata awal perkataan. Jikalau akronim yang terbentuk itu kata nama khas, huruf pertama ditulis dengan huruf besar.

Bername – **B**erita **N**asional **M**alaysia
pawagam – **p**anggung **w**ayang **g**ambar
Perkeso – **P**ertubuhan **K**eselamatan **S**osial
tadika – **t**aman **d**idikan **k**anak-kanak
Mara – **M**ajlis **A**manah **R**akyat
komsas – **k**omponen **s**astera
berdikari – **b**erdiri **d**i atas **k**aki sendiri
cerpen – **c**erita **p**endek

4. Akronim cantuman bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian lain perkataan yang mengikutinya. Jikalau akronim yang terbentuk itu kata nama khas, huruf pertama ditulis dengan huruf besar.

halaju – **h**ad **l**aju
jalurah – **j**alan **l**urah
hartanah – **h**arta **t**anah
jenama – **j**enis **n**ama
selembu – **s**eladang **l**embu

TUGASAN 2: Baca dan telitikan poster. Kenal pasti 11 akronim yang terdapat dalam poster ini. Tuliskan akronim yang telah anda peroleh dalam ruang yang disediakan.

ACARA DAN HADIAH MENARIK MENANTI ANDA

- Sukaneka, aktiviti melukis dan mewarna untuk murid tadika, tabika, dan taska
- Pertandingan taridra untuk murid sekolah menengah
- Pemeriksaan kesihatan percuma
- Ceramah kesihatan
- Senamrobik
- Pameran kesihatan
- Persembahan kugiran
- Pertandingan baca cerpen

Jerayawara Sihat Ceria

Jangan Lepaskan Peluang untuk Kekal Sihat dan Ceria. Jumpa Anda di Sana.




3 – 13 Mac 20□□
Dataran Budiman, Kangar, Perlis

15 – 25 Mac 20□□
Dewan Orang Ramai, Alor Setar, Kedah

Masa:
8:00 pagi – 6:00 petang



Terbuka untuk semua

AKRONIM

(dua huruf pertama akronim dalam poster telah diberikan sebagai petunjuk)

Bil	klu	Akronim	Bil	klu	Akronim
1.	su		6.	se	
2.	ta		7.	ku	
3.	ta		8.	ce	
4.	ta		9.	je	
5.	ta		10.	pu	

TUGASAN 3: Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan akronim yang anda catatkan dalam TUGASAN 2. (Cari maksud perkataan akronim ini dalam buku kamus atau secara atas talian, jika perlu)

1. Adik Aini sangat suka bermain dengan kawan-kawannya di _____.
2. Adik saya yang berumur enam tahun belajar di _____ berhampiran rumah saya.
3. Aktiviti _____ di sekolah saya diadakan setiap tahun sempena Hari Sukan Negara.
4. Ayah saya yang pandai bermain gitar dahulu pernah menyertai _____ semasa zaman mudanya.
5. Banyak ibu bapa yang sibuk bekerja terpaksa menghantar anak-anak mereka ke _____ semasa mereka pergi bekerja.
6. Dhiya dan Aqeela bermain congkak dalam acara _____ itu tadi.
7. _____ untuk mempromosi produk baharu itu telah berlangsung selama tiga hari dan dapat menarik bilangan pengunjung yang sangat ramai.
8. Persembahan _____ daripada SK Mewangi itu tadi mendapat tepukan gemuruh daripada para penonton.
9. Secara _____, bilangan murid setiap kelas Sekolah Cempaka ialah sebanyak 30 orang.
10. Setiap malam sebelum tidur, ibu akan membacakan sebuah _____ tentang puteri yang budiman kepada adik.